



1 September 2022
1 September 2022
P.U. (A) 279

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT
AKAUN KEWANGAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT UNTUK MENINGKATKAN
PEMATUHAN CUKAI ANTARABANGSA DAN MELAKSANAKAN
FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT) 2022

*INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF
FINANCIAL ACCOUNT INFORMATION BETWEEN THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE
UNITED STATES OF AMERICA TO IMPROVE
INTERNATIONAL TAX COMPLIANCE AND TO IMPLEMENT THE
FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT AKAUN KEWANGAN ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT UNTUK
MENINGKATKAN PEMATUHAN CUKAI ANTARABANGSA DAN MELAKSANAKAN
FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk Meningkatkan Pematuhan Cukai Antarabangsa dan Melaksanakan *Foreign Account Tax Compliance Act*) 2022.**

Pemakaian

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa untuk dan berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan mengenai kewajipan di bawah Perjanjian.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi Institusi Kewangan Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subperenggan 1(l) Artikel 1 Perjanjian.

Tafsiran

3. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Dana” ertinya Dana Persaraan Berpenyertaan Luas dan Dana Pencen sebuah pemunya benefisial yang dikecualikan;

“FATCA” ertinya *Foreign Account Tax Compliance Act*;

“Institusi Kewangan Malaysia” ertinya—

- (a) mana-mana Institusi Kewangan yang bermastautin di Malaysia, tetapi tidak termasuk mana-mana cawangan Institusi Kewangan itu yang berada di luar Malaysia; dan
- (b) mana-mana cawangan Institusi Kewangan yang tidak bermastautin di Malaysia, jika cawangan itu berada di Malaysia;

“maklumat” ertinya maklumat yang dikehendaki berhubung dengan Akaun Kena Lapor A.S. yang diperihalkan dalam Artikel 2 dan 3 Perjanjian;

“penyata” ertinya suatu penyata yang menyatakan maklumat dalam format sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

“Perjanjian” ertinya Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat untuk Meningkatkan Pematuhan Cukai Antarabangsa dan Melaksanakan *Foreign Account Tax Compliance Act* yang ditandatangani pada 21 Julai 2021 sebagaimana yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan sebagai P.U. (A) 278/2022 pada 1 September 2022.

(2) Perkataan dan ungkapan yang tidak ditakrifkan dalam Kaedah-Kaedah ini hendaklah mempunyai erti yang sama dengan erti yang diberikan kepadanya dalam Perjanjian.

Kewajipan usaha wajar

4. (1) Tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia yang bukan suatu Institusi Kewangan Bukan Pelapor Malaysia hendaklah mengenal pasti Akaun Kena Lapor A.S. dan akaun-akaun yang dipegang oleh Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai daripada Akaun Kewangan yang disenggarakan oleh Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu dengan mengguna pakai tatacara usaha wajar sebagaimana yang dinyatakan dalam *Annex I* Perjanjian.

(2) Tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah mewujudkan, menyenggarakan dan mendokumenkan tatacara usaha wajar yang disebut dalam subkaedah (1).

(3) Akaun Kewangan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah tidak termasuk apa-apa Akaun Dikecualikan daripada Akaun Kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen V *Annex II* Perjanjian.

Kewajipan pelaporan

5. (1) Tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah—

(a) berkenaan dengan tahun kalendar 2014 hingga tahun kalendar 2022, mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah, pada atau sebelum 30 Jun 2023; dan

(b) berkenaan tiap-tiap tahun kalendar yang berikutnya, mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah, pada atau sebelum 30 Jun tahun selepas tamat tahun kalendar penyata yang berkenaan itu.

(2) Penyata itu hendaklah menyatakan maklumat yang dikehendaki yang disenggarakan oleh Institusi Kewangan Pelapor Malaysia pada bila-bila masa dalam tahun kalendar yang berkenaan.

(3) Sekiranya suatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia—

(a) mengguna pakai tatacara usaha wajar yang dinyatakan dalam *Annex I* Perjanjian bagi suatu tahun kalendar; dan

(b) mendapati tiada akaun yang dikenal pasti sebagai Akaun Kena Lapor A.S.,

Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata yang menyatakan bahawa Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu tidak menyenggara Akaun Kena Lapor A.S. berkenaan dengan tahun kalendar itu.

(4) Tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah mematuhi semua kehendak pendaftaran yang terpakai dalam laman web pendaftaran *IRS FATCA*.

(5) Mana-mana orang yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk memberikan maklumat kepada Ketua Pengarah, hendaklah pada masa dan kekerapan berkenaan dan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, memberikan kepadanya maklumat itu.

(6) Sesuatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia adalah tidak dikecualikan daripada mengemukakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah ini atas alasan Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu mempunyai kewajipan untuk tidak mengumpul, menggunakan atau mendedahkan maklumat itu.

Pengemukakan penyata

6. Suatu penyata hendaklah dikemukakan dengan menggunakan medium elektronik atau melalui transmisi elektronik dalam format sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Penggunaan maklumat oleh Ketua Pengarah

7. Segala maklumat yang diberikan atau diperoleh di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi apa-apa tujuan yang berkaitan dengan pentadbiran Akta dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].

Bayaran kepada Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai

8. (1) Suatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah mengenal pasti bayaran-bayaran yang dibuat dalam tahun kalendar 2015 dan tahun kalendar 2016 oleh institusi itu kepada Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai dengan mengguna pakai tatacara usaha wajar sebagaimana yang dinyatakan dalam *Annex I Perjanjian*.

(2) Bagi tujuan kaedah ini—

(a) subkaedah (1) hanya terpakai apabila bayaran itu dibuat kepada suatu Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai sebagai pemegang akaun;

(b) Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah—

(i) bagi tahun kalendar 2015 dan tahun kalendar 2016, mengemukakan suatu penyata kepada Ketua Pengarah pada atau sebelum 30 Jun 2023; dan

(ii) melaporkan kepada Ketua Pengarah semua bayaran yang dibuat kepada Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai tanpa perlu membezakan sifat bayaran itu dan sama ada ia berpunca atau tidak berpunca daripada A.S.

(3) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

(a) “bayaran” termasuklah amaun yang dikreditkan ke Akaun Kewangan sesuatu Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai; dan

(b) penyata yang dinyatakan di perenggan 2(b) hendaklah menyatakan nama-nama dan jumlah agregat bayaran yang dibuat kepada setiap Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai bagi tahun-tahun pelaporan 2015 dan 2016.

(4) Suatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia—

(a) yang memenuhi deskripsi di bawah subperenggan 1(d) Artikel 4 Perjanjian hendaklah memegang tiga puluh peratus daripada apa-apa Bayaran Boleh Pegang Punca A.S. kepada mana-mana Institusi Kewangan Yang Tidak Menyertai; dan

(b) yang termasuk di bawah terma subperenggan 1(e) Artikel 4 Perjanjian hendaklah mendedahkan maklumat kepada Ketua Pengarah mengikut kehendak subperenggan itu.

(5) Perenggan 5 Artikel 4 Perjanjian hendaklah terpakai kepada Institusi Kewangan Pelapor Malaysia.

(6) Jika dalam sesuatu tahun kalendar tiada bayaran yang dikenal pasti seperti yang disebut di dalam subkaedah (1), Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah menyediakan dan memberikan suatu penyata kepada Ketua Pengarah bagi tahun kalendar itu yang menyatakan fakta itu.

Institusi Kewangan Bukan Pelapor Malaysia dan pemunya benefisial yang dikecualikan

9. (1) Institusi Kewangan Bukan Pelapor Malaysia dikecualikan daripada mematuhi Kaedah-Kaedah ini.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), pemunya benefisial yang dikecualikan selain daripada Dana yang menerima bayaran berkaitan suatu kewajipan berkaitan aktiviti kewangan komersial daripada jenis yang dilibatkan oleh Syarikat Insurans yang Ditentukan, Institusi Kawalan atau Institusi Depositori boleh dilayan sebagai suatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia setakat aktiviti kewangan komersial tersebut yang ia dilibatkan.

(3) Suatu Institusi Kewangan Asing berdaftar yang dianggap patuh boleh dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk mengemukakan—

(a) penyata tahunan sekiranya terdapat mana-mana Akaun Kena Lapor A.S. dijumpai; atau

(b) penyata *NIL* sekiranya tiada Akaun Kena Lapor A.S.

(4) Suatu Institusi Kewangan Asing berdaftar yang dianggap patuh yang disebut dalam subkaedah (3) dan dalam Perjanjian adalah—

(a) suatu Institusi Kewangan Malaysia yang telah diperuntukkan sewajarnya dengan *Global Intermediary Identification Number* oleh IRS bagi maksud FATCA; dan

(b) suatu institusi kewangan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen III *Annex II* Perjanjian.

Akaun-akaun yang bukan Akaun Kena Lapor A.S.

10. (1) Akaun-akaun yang memenuhi deskripsi dalam seksyen V *Annex II* Perjanjian dikecualikan daripada takrifan Akaun Kewangan dan bukan Akaun Kena Lapor A.S.

(2) Mana-mana akaun yang disenggarakan oleh Institusi Kewangan untuk pemunya benefisial yang dikecualikan adalah bukan suatu Akaun Kena Lapor A.S.

Rekod

11. (1) Tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah menyimpan dan mengekalkan dalam jagaan selamat rekod yang diperoleh atau diwujudkan oleh Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu bagi maksud mematuhi Kaedah-Kaedah ini, termasuklah perakuan sendiri dan rekod bukti berdokumen.

(2) Bagi maksud kaedah ini, tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk menyimpan dan menahan rekod dalam jagaan selamat hendaklah—

(a) sekiranya dipelihara dalam format elektronik, hendaklah boleh dibaca bagi tempoh tahanan yang disebut dalam subkaedah (3); dan

(b) atas permintaan Ketua Pengarah, menyediakan terjemahan bahasa Inggeris, jika Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu memperoleh atau mewujudkan rekod dalam bahasa selain bahasa Inggeris.

(3) Tiap-tiap Institusi Kewangan Pelapor Malaysia hendaklah menahan rekod itu bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya tujuh tahun selepas—

(a) dalam hal perakuan sendiri, hari terakhir Akaun Kewangan yang berkaitan dibuka; dan

(b) dalam mana-mana hal lain, hujung tahun kalendar yang terakhir rekod yang berkaitan.

Penyedia perkhidmatan

12. (1) Suatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia boleh melantik pihak ketiga sebagai ejennya untuk menjalankan kewajipan yang dikenakan terhadapnya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika pihak ketiga dilantik oleh suatu Institusi Kewangan Pelapor Malaysia mengikut subkaedah (1), Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu hendaklah—

- (a) pada setiap masa, mempunyai akses kepada dan boleh mengemukakan, jika diminta oleh Ketua Pengarah untuk berbuat demikian, rekod dan bukti berdokumen yang digunakan untuk mengenal pasti dan melaporkan Akaun Kena Lapor A.S.; dan
- (b) bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan pihak ketiga itu untuk menjalankan kewajipan Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu dan kaedah 13 dan 14 hendaklah terpakai bagi Institusi Kewangan Pelapor Malaysia itu walaupun—
 - (i) tindakan itu adalah tindakan pihak ketiga itu; atau
 - (ii) kegagalan untuk bertindak adalah kegagalan oleh pihak ketiga itu untuk bertindak.

Kuasa Ketua Pengarah

13. Ketua Pengarah boleh—

- (a) menjalankan semua kuasa yang terletak hak padanya di bawah Akta untuk mentadbir dan menguat kuasa pematuhan peruntukan Perjanjian dan Kaedah-Kaedah ini;
- (b) melalui notis, menghendaki suatu Institusi Kewangan Malaysia untuk mengemukakan kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maklumat berkenaan termasuk salinan mana-mana buku, rekod atau dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah secara munasabah bagi apa-apa maksud yang berhubungan dengan pentadbiran atau penguatkuasaan Kaedah-Kaedah ini;

- (c) pada setiap masa mempunyai akses penuh dan bebas untuk memasuki apa-apa premis atau tempat perniagaan suatu Institusi Kewangan Malaysia bagi maksud—
 - (i) mentadbir dan melaksanakan pematuhan peruntukan Perjanjian dan Kaedah-Kaedah ini;
 - (ii) memeriksa tatacara yang diwujudkan oleh Institusi Kewangan Malaysia itu bagi maksud memastikan pematuhan kewajipan Institusi Kewangan Malaysia itu di bawah Kaedah-Kaedah ini; dan
- (d) membuat cabutan daripada atau salinan bagi semua atau apa-apa bahagian buku, rekod atau dokumen lain atau bahan lain yang disediakan kepadanya atau menghendaki salinan buku, rekod, atau dokumen lain yang disediakan kepadanya bagi apa-apa maksud yang berhubungan dengan pentadbiran atau penguatkuasaan Kaedah-Kaedah ini.

Pencegahan pengelakan cukai

14. Ketua Pengarah boleh, tanpa menjejaskan kesahannya dalam apa-apa keadaan lain bagi apa-apa maksud lain, mengetepikan atau mengubah perkiraan atau amalan itu dan membuat pelarasan yang difikirkannya patut dengan tujuan untuk mengurangkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kesan langsung atau tidak langsung perkiraan atau amalan itu sekiranya Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana orang telah membuat apa-apa perkiraan atau terlibat dalam suatu amalan yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung yang—

- (a) melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti yang timbul atau sepatutnya timbul untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata;
- (b) menyebabkan mana-mana orang melarikan diri atau mengelak daripada apa-apa kewajipan yang dikenakan atau sepatutnya dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau

- (c) menghalang atau mencegah pelaksanaan Kaedah-Kaedah ini dalam apa-apa jua cara.

Dibuat 24 Ogos 2022

[MOF.TAX (S)700-2/1/147; PN(PU2)80/JLD. 107]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF FINANCIAL ACCOUNT INFORMATION
BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE
UNITED STATES OF AMERICA TO IMPROVE INTERNATIONAL TAX COMPLIANCE AND
TO IMPLEMENT THE FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(c) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as **Income Tax (Automatic Exchange of Financial Account Information between the Government of Malaysia and the Government of the United States of America to Improve International Tax Compliance and to Implement the Foreign Account Tax Compliance Act) Rules 2022.**

Application

2. (1) These Rules shall have effect for and in connection with the implementation of provisions on the obligations arising under the Agreement.

(2) These Rules shall apply to a Malaysian Financial Institution as defined under subparagraph 1(l) of Article 1 of the Agreement.

Interpretation

3. (1) In these Rules—

“Funds” means Broad Participation Retirement Funds and Pension Funds of an exempt beneficial owner;

“FATCA” means the Foreign Account Tax Compliance Act;

“Malaysian Financial Institution” means—

- (a) any Financial Institution resident in Malaysia, but excluding any branch of such Financial Institution that is located outside Malaysia; and
- (b) any branch of a Financial Institution not resident in Malaysia, if such branch is located in Malaysia;

“information” means the required information in relation to U.S. Reportable Accounts described in Articles 2 and 3 of the Agreement;

“return” means a return stating the information in the format as may be determined by the Director General;

“Agreement” means the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the United States of America to Improve International Tax Compliance and to Implement the Foreign Account Tax Compliance Act signed on 21 July 2021 as published in the *Gazette* of the Government of the Federation as P.U. (A) 278/2022 on 1 September 2022.

(2) Words and expressions which are not defined in these Rules shall have the same meaning as assigned to them in the Agreement.

Due diligence obligations

4. (1) Every Reporting Malaysian Financial Institution which is not a Non-Reporting Malaysian Financial Institution shall identify U.S. Reportable Account and accounts held by Non-Participating Financial Institution from the Financial Accounts maintained by the Reporting Malaysian Financial Institution by applying the due diligence procedure as specified in Annex I to the Agreement.

(2) Every Reporting Malaysian Financial Institution shall establish, maintain and document the due diligence procedure referred to in subrule (1).

(3) The Financial Account referred to in subrule (1) shall not include any Accounts Excluded from Financial Accounts as defined in section V of the Annex II to the Agreement.

Reporting obligation

5. (1) Every Reporting Malaysian Financial Institution shall—

(a) in respect of the calendar year 2014 to calendar year 2022, furnish a return to the Director General, on or before 30 June 2023; and

(b) in respect of every following calendar year, furnish a return to the Director General, on or before 30 June of the year following the end of the calendar year to which the return relates.

(2) The return shall set out the required information that is maintained by the Reporting Malaysian Financial Institution at any time during the relevant calendar year.

(3) If a Reporting Malaysian Financial Institution—

(a) applies the due diligence procedure specified in Annex I to the Agreement for a calendar year; and

(b) found that no account is identified as a U.S. Reportable Account,

the Reporting Malaysian Financial Institution shall furnish to the Director General a return which provides that the Reporting Malaysian Financial Institution does not maintain such U.S. Reportable Account in respect of that calendar year.

(4) Every Reporting Malaysian Financial Institution shall comply with all the applicable registration requirements on the IRS FATCA registration website.

(5) Any person required under these Rules to provide information to the Director General, shall at such times and frequency and in such form and manner as may be determined by the Director General, provide him with such information.

(6) A Reporting Malaysian Financial Institution is not exempt from providing the information as required under these Rules by reason that the Reporting Malaysian Financial Institution has the obligation not to collect, use or disclose such information.

Furnishing of return

6. A return shall be furnished on an electronic medium or by way of electronic transmission in the format as may be determined by the Director General.

Use of information by Director General

7. All information provided or obtained under these Rules may be used by the Director General for any purpose connected with the administration of the Act and the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*].

Payment to Non-Participating Financial Institution

8. (1) A Reporting Malaysian Financial Institution shall identify payment which is made in the calendar year 2015 and calendar year 2016 by the institution to Non-Participating Financial Institution by applying the due diligence procedure as specified in Annex I to the Agreement.

(2) For the purpose of this rule—

(a) subrule (1) applies only where the payment is made to a Non-Participating Financial Institution as an account holder;

- (b) A Reporting Malaysian Financial Institution shall—

 - (i) in respect of the calendar year 2015 and calendar year 2016, furnish a return to the Director General on or before 30 June 2023; and
 - (ii) report to the Director General all payments made to Non-Participating Financial Institution without the need to distinguish the nature of the payments and whether they are U.S. or non-U.S. sourced.
- (3) In these Rules—

 - (a) “payment” includes amounts credited to a Financial Account of a Non-Participating Financial Institution; and
 - (b) the return referred to in paragraph 2(b) shall set out the names and the aggregate amount of payment made to each Non-Participating Financial Institution for the reporting years 2015 and 2016.
- (4) A Reporting Malaysian Financial Institution—

 - (a) that fulfills the description under subparagraph 1(d) of Article 4 of the Agreement shall withhold thirty percent of any U.S. Source Withholdable Payment to any Non-Participating Financial Institution; and
 - (b) that comes within the terms of subparagraph 1(e) of Article 4 of the Agreement shall make a disclosure of information to the Director General in accordance with the requirements of that subparagraph.

(5) Paragraph 5 of Article 4 of the Agreement shall apply to Reporting Malaysian Financial Institution.

(6) If for a calendar year no payment is identified as referred to in subrule (1), the Reporting Malaysian Financial Institution shall prepare and provide a return to the Director General for the calendar year stating that fact.

Non-Reporting Malaysian Financial Institution and exempt beneficial owner

9. (1) Non-Reporting Malaysian Financial Institution is exempted from complying with these Rules.

(2) Notwithstanding subrule (1), an exempt beneficial owner other than Funds who derives payment with respect to an obligation held in connection with a commercial financial activity of a type engaged by a Specified Insurance Company, Custodial Institution or Depository Institution may be treated as a Reporting Malaysian Financial Institution to the extent of such commercial financial activity engaged by it.

(3) A registered deemed-compliant Foreign Financial Institution may be required by the Director General to submit—

(a) annual return if any U.S. Reportable Account is discovered; or

(b) NIL return if there is no U.S. Reportable Account.

(4) A registered deemed-compliant Foreign Financial Institution referred to in subrule (3) and in the Agreement is—

(a) a Malaysian Financial Institution which has been properly allocated with a Global Intermediary Identification Number by the IRS for purpose of FATCA; and

- (b)* a financial institution as described in section III of Annex II to the Agreement.

Accounts that are not U.S. Reportable Accounts

10. (1) Accounts which fulfill the description in section V of Annex II to the Agreement are excluded from the definition of Financial Account and are not U.S. Reportable Account.

(2) Any account maintained by a Financial Institution for an exempt beneficial owner is not a U.S. Reportable Account.

Records

11. (1) Every Reporting Malaysian Financial Institution shall keep and retain in safe custody records that the Reporting Malaysian Financial Institution obtains or creates for the purpose of complying with these Rules, including self-certification and records of documentary evidence.

(2) For the purpose of this rule, every Reporting Malaysian Financial Institution required by these Rules to keep and retain in safe custody records shall—

- (a)* if retained in electronic format, shall be readable for the retention period referred to in subrule (3); and

- (b)* upon request of the Director General, provide an English translation, if the Reporting Malaysian Financial Institution obtains or creates the records in a language other than the English language.

(3) Every Reporting Malaysian Financial Institution shall retain those records for a period of at least seven years following—

- (a)* in the case of a self-certification, the last day on which a related Financial Account is opened; and

- (b)* in any other case, the end of the last calendar year to which the record relates.

Service providers

12. (1) A Reporting Malaysian Financial Institution may appoint a third party as its agent to carry out the obligations imposed on it under these Rules.

(2) Where a third party is appointed by a Reporting Malaysian Financial Institution in accordance with subrule (1), the Reporting Malaysian Financial Institution shall—

- (a)* at all times, have access to and be able to produce, where so requested by the Director General, the records and documentary evidence used to identify and report on U.S. Reportable Account; and
- (b)* be responsible for any failure of that third party to carry out the obligations of the Reporting Malaysian Financial Institution and rules 13 and 14 shall apply to the Reporting Financial Institution notwithstanding that—
 - (i)* the actions were the action of that third party; or
 - (ii)* the failure to act was the failure by that third party to act.

Powers of Director General

13. The Director General may—

- (a)* exercise all the powers vested in him under the Act to administer and enforce compliance with the provisions of the Agreement and these Rules;

- (b) by notice, require a Malaysian Financial Institution to furnish to him within a time specified in the notice with such information including copies of any relevant books, records or other documents as the Director General may reasonably require for any purpose relating to the administration or enforcement of these Rules;
- (c) at all times have full and free access to enter any premises or place of business of a Malaysian Financial Institution for the purpose of—

 - (i) administrating and implementing compliance with the provisions of the Agreement and these Rules;
 - (ii) examining the procedures put in place by the Malaysian Financial Institution for the purposes of ensuring compliance with that Malaysian Financial Institution's obligations under these Rules; and
- (d) make extracts from or copies of all or any part of the books, records or other documents or other materials made available to him or require that copies of books, records, or other documents be made available to him for any purpose relating to the administration or enforcement of these Rules.

Anti-avoidance

14. The Director General may, without prejudice to such validity as it may have in any other respect for any other purpose, disregard or vary the arrangement or the practice and make such adjustments as he thinks fit with a view to counteracting the whole or any part of any such direct or indirect effect of the arrangement or the practice if the Director General has reason to believe that any person has entered into any arrangement or engages in a practice which has the direct or indirect effect of—

- (a) relieving any person from any liability which has arisen or which would otherwise have arisen to furnish to the Director General a return;

- (b) causing any person to evade or avoid any obligation which is imposed or would otherwise have been imposed under these Rules; or
- (c) hindering or preventing the operation of these Rules in any respect.

Made 24 August 2022

[MOF.TAX (S)700-2/1/147; PN(PU2) 80/JLD. 107]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]